

PENENTUAN TAMBAHAN

MEMBAIKI DAN MENAIKTARAF KEDIAMAN RASMI PEGAWAI DAERAH JALAN CHAN EWI PIN, BUKIT MERTAJAM

Penentuan

Penentuan Tambahan ini hendaklah disemak bersama-sama dengan **Penentuan Am**.

Perkara-perkara yang tidak diambil kira

Perkara-perkara yang terdapat di dalam Penentuan Am yang tidak ada kaitan dengan skop kerja sebutharga yang tidak di ambil kira.

Lawatan ke tapak

Kontraktor adalah dinasihatkan melawat tapak sendiri untuk mengenal pasti bidang kerja yang terlibat kerana sebarang tuntutan tidak akan dilayan akibat daripada kegagalan kontraktor mengenalpasti bidang kerja sebelum memasuki tawaran.

Sebarang halangan di tapak yang mengganggu perjalanan projek hendaklah dikenalpasti dan diselesaikan oleh pihak kontarktor. Semua kos yang terlibat dalam kerja ini adalah ditanggung oleh kontraktor.

Kontraktor hendaklah mengatur untuk membawa bahan-bahan, loji-loji dan sebarang alat jentera yang difikirkan perlu untuk menjalankan kerja tersebut.

Bidang kerja

Bidang kerja yang terlibat adalah seperti berikut merujuk kepada ringkasan tawaran atau senarai-senarai pelan yang dilampirkan. Kontraktor dinasihatkan agar berhati-hati dalam mengenalpasti bidang kerja semasa sekiranya merujuk pelan-pelan berkaitan yang dikembarkan.

1. Membaiki dan menaiktaraf kediaman Rasmi Pegawai Daerah

a) Sebelum sebarang kerja dijalankan ditapak, kontraktor dikehendaki melawat tapak kerja seperti diarahkan oleh pegawai PDTSPT yang mengawasi kerja bagi menentukan kuantiti dan peralatan yang hendak digunakan. Pemberong diingatkan bahawa semua kerja berkaitan dengan pihak utiliti seperti TNB dan sebagainya adalah dibawah bidang kuasa pihak pemberong. Pemberong diingatkan agar bekerjasama dengan pihak utiliti terbabit bagi mengelakkan sebarang masalah yang mengganggu perjalanan kerja ini.

b) Syarat-syarat pemberian kuarters :-

- Membuat semakkan terperinci bahan pemasangan ditapak mengikut spesifikasi yang ditetapkan sebelum lain-lain kerja dilakukan ditapak bersama PP
- Menampal semula permukaan yang dikorek atau lain-lain tempat yang terlibat dengan kerja pengorekkan
- Memastikan kawasan sekeliling pembinaan bersih, kemas dan teratur bagi menjaminkan keselamatan dan keselesaan penghuni dan pengguna.
- Memaklumkan kepada penyewa dan PP sebelum kerja-kerja dilakukan
- Menggunakan komponen elektrik dan elektronik yang diluluskan oleh SIRIM

c) Semua kerosakan yang diluar bidang kerja hendaklah dibaiki dan kosnya ditanggung oleh kontraktor terlibat. Setelah siap kerja, semua sampah sarap hendaklah dikeluarkan dari tapak bina dan disahkan oleh Pegawai Penguasa.

2. Sukatan Kerja

Kontraktor diingatkan bahawa semua ukuran panjang dan kuantiti kerja adalah mengikut kerja yang dijalankan, di mana pengukuran semula akan dilaksanakan dan pembayaran akan dibuat mengikut sukatan akhir setelah kerja siap dijalankan.

3. Tempoh Perlaksanaan Kerja

a) Kerja-kerja akan dilaksanakan berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa PDTSPT dari semasa ke semasa mengikut keperluan. PDTSPT tidak tertakluk untuk menghabiskan keseluruhan kuantiti yang disebutkan di dalam sebutharga. Setiap arahan kerja yang dikeluarkan hendaklah disempurnakan dalam tempoh 48jam.

b) Tempoh Sebutharga ini adalah dari 6 minggu ke 12 minggu.

4. Bayaran

Bayaran akan dibuat setelah tempoh akhir kerja akan tamat atau kuantiti yang dilaksanakan mencukupi mengikut Bilangan kuantiti.